

AMALAN PEDAGOGI GURU PRASEKOLAH PERMULAAN

oleh

ABDUL HALIM BIN MASNAN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi

Ijazah Doktor Falsafah

September, 2014

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjat kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t atas perkenan dan rahmat-Nya mengurniakan kesihatan yang berterusan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini dengan baik. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan tidak terhingga kepada penyelia utama Profesor Dr. Nor Hashimah Hashim dan penyelia bersama, iaitu Dr. Siti Hawa Abdullah dan Dr. Aznan Che Ahmad serta penilai dalam dan luar atas bimbingan yang berterusan tanpa mengira penat dan jemu. Saya amat berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang menaja biasiswa dan cuti belajar saya. Sekalung budi juga kepada Dekan Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia Prof. Dato' Dr. Abdul Rashid Mohamed, semua pensyarah dan staf sokongan termasuk kakitangan Perpustakaan Hamzah Sendut, ahli Persatuan Siswazah Lanjutan (PERSILA) atas dorongan dan sokongan moral yang diberikan dalam proses menyiapkan tesis ini.

Penghargaan tidak terhingga buat bapa saya Tuan Haji Masnan bin Ab Jabar, ibu saya Puan Hajah Jamaniah binti Thanjis isteri saya Siti Sara binti Russly dan anak-anak saya Haikal Hanzalah, Hamzi Hamsyari, Hadwan Huwaidi, Syaurah Syauqina dan adik baru kerana telah banyak berkorban dengan penuh kesabaran dan memberi sokongan moral sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Akhir kata, saya berdoa agar semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ini dianugerahkan berkat rahmat dan berkat dari Allah Taala.

KANDUNGAN		MUKA SURAT
PENGHARGAAN		ii
KANDUNGAN		iii
SENARAI LAMPIRAN		x
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xii
SENARAI SINGKATAN		xiii
ABSTRAK		xiv
ABSTRACT		xvi
BAB 1 PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Penyataan Masalah	8
1.4	Tujuan Kajian	14
1.5	Objektif Kajian	14
1.6	Soalan Kajian	15
1.7	Kerangka Konsep Kajian	15
1.8	Definisi Operasional	18
	1.8.1 Guru Prasekolah Permulaan	18
	1.8.2 Amalan Pedagogi	19
	1.8.2.1 Pengetahuan Persediaan Pengajaran	19

	1.8.2.2 Kemahiran Pelaksanaan Pengajaran	19
	1.8.3 Deskripsi Amalan Pedagogi	20
1.9	Kepentingan Kajian	21
1.10	Batasan Kajian	23
1.11	Rumusan	24
 BAB 2 TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pendahuluan	25
2.2	Tinjauan Teori dan Model Pedagogi	25
	2.2.1 Teori Pengetahuan Pedagogi	25
	2.2.2 Model Pengajaran Berkesan	33
	2.2.3 Model Pedagogi	37
	2.2.4 Rumusan	42
2.3	Sorotan Kajian yang Lalu	44
	2.3.1 Amalan Pedagogi Guru Prasekolah Permulaan	45
	2.3.2 Pengetahuan Pengajaran Prasekolah	48
	2.3.1.1 Pengetahuan Pendidikan Awal	
	Kanak-kanak	49
	2.3.1.2 Pengetahuan Kandungan Kurikulum	56
	2.3.1.3 Persediaan Alat Bantu Mengajar	63
	2.3.3 Kemahiran Pedagogi Prasekolah	67
	2.3.3.1 Pendekatan Pengajaran Prasekolah....	68
	2.3.3.2 Pengurusan Aktiviti Pengajaran	72

2.3.3.3	Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan	75
2.3.4	Amalan Pedagogi Guru Prasekolah Permulaan	80
2.3.4.1	Perbandingan Guru Permulaan dan Guru Berpengalaman	83
2.3.4.2	Cabaran Guru Prasekolah Permulaan Masa Kini	88
2.3.3	Standard Amalan Pedagogi Guru Prasekolah Permulaan	93
2.4	Kerangka Teori Kajian	103
2.5	Rumusan	105
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	106
3.2	Reka Bentuk Kajian	106
3.3	Sampel Kajian	111
3.3.1	Rasional Pemilihan Sampel	111
3.3.2	Tatacara Pemilihan Sampel	113
3.4	Instrumen Kajian	114
3.4.1	Pemerhatian	115
3.4.1.1	Catatan Pemerhatian Pengajaran	116
3.4.1.2	Rakaman Video	117
3.4.2	Temu Bual	118
3.4.3	Analisis Dokumen	121
3.4.4	Rumusan	122

3.5	Kajian Rintis	123
3.6	Kesahan, Kebolehpercayaan dan Kredibiliti Kajian.....	127
	3.6.1 Kesahan Kajian	127
	3.6.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	129
	3.6.3 Kredibiliti Kajian	131
3.7	Etika Kajian	134
3.8	Tatacara Pengumpulan Data.....	136
	3.8.1 Pemerhatian	137
	3.8.2 Temu Bual	140
	3.8.2.1 Temu Bual Sebelum Pengajaran	142
	3.8.2.2 Temu Bual Selepas Pengajaran	144
	3.8.3 Analisis Dokumen	145
	3.8.4 Rumusan	146
3.9	Tatacara Analisis Data	147
	3.9.1 Analisis Semasa Pengumpulan Data	147
	3.9.1.1 Ringkasan Temu Bual dan Pemerhatian	148
	3.9.1.2 Analisis Dokumen	151
	3.9.2 Analisis Selepas Pengumpulan Data.....	151
	3.9.2.1 Mengenal pasti Tema mengikut Konstruk	152
	3.9.2.2 Membuat Padanan Tema dengan Sub-tema dan Kod	154
	3.9.2.3 Membuat Kesimpulan dan Pentafsiran	155
3.10	Rumusan	157

BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	MUKA SURAT
4.1	Pendahuluan	158
4.2	Latar Belakang Guru Prasekolah Permulaan (GPP)	158
4.2.1	Guru Prasekolah Permulaan 1 (GPP1)	159
4.2.2	Guru Prasekolah Permulaan 2 (GPP2)	162
4.2.3	Guru Prasekolah Permulaan 3 (GPP3)	164
4.2.4	Guru Prasekolah Permulaan 4 (GPP4)	165
4.3	Amalan Pedagogi berdasarkan Pengetahuan Persediaan Pengajaran (SK1)	168
4.3.1	Hasil Pembelajaran	168
4.3.1.1	Pengetahuan Isi Kandungan	169
4.3.1.2	Pengetahuan Amalan Bersesuaian Perkembangan	173
4.3.1.3	Rumusan	175
4.3.2	Persediaan Alat Bantu Mengajar	177
4.3.2.1	Faktor Pemilihan Alat Bantu Mengajar	177
4.3.2.2	Pengurusan Persediaan Alat Bantu Mengajar	182
4.3.2.3	Rumusan	186
4.3.3	Persediaan Rancangan Pengajaran Harian	188
4.3.3.1	Persediaan mengikut Panduan KSPK	189
4.3.3.2	Persediaan RPH mengikut Perkembangan Murid	191

4.4	Amalan Pedagogi berdasarkan Kemahiran Pelaksanaan Pengajaran (SK2)	194
4.4.1	Pendekatan Pengajaran	195
4.4.1.1	Pendekatan Bertema	195
4.4.1.2	Pendekatan Belajar melalui Bermain	199
4.4.1.3	Pembelajaran Berpusatkan Murid dan Guru	205
4.4.1.4	Penggunaan Teknologi Maklumat	211
4.4.1.5	Pembelajaran Masteri	214
4.4.1.6	Rumusan	220
4.4.2	Kemahiran Teknik Penyampaian	225
4.4.2.1	Jelas dan Berfokus	225
4.4.2.2	Penguasaan Bahasa Inggeris	231
4.4.2.3	Penyampaian Secara Berulang Kali	234
4.4.2.4	Rumusan	240
4.4.3	Kemahiran Pengurusan Kelas	242
4.4.3.1	Pengurusan Murid	242
4.4.3.2	Pengurusan Masa Pengajaran	248
4.4.3.3	Rumusan	255
4.5	Deskripsi Amalan Pedagogi Guru Prasekolah Permulaan (SK3)	257
4.6	Rumusan	267

BAB 5	PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN	MUKA SURAT
5.1	Pendahuluan	268
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	268
5.2.1	Amalan Pedagogi GPP berdasarkan Pengetahuan Persediaan Pengajaran (SK1)	268
5.2.2	Amalan Pedagogi GPP berdasarkan Kemahiran Pelaksanaan Pengajaran (SK2).....	271
5.2.3	Deskripsi Amalan Pedagogi GPP (SK3)	275
	5.2.3.1 Pengetahuan Persediaan Pengajaran	275
	5.2.3.2 Kemahiran Pelaksanaan Pengajaran	276
	5.2.3.3 Rumusan Deskripsi Amalan GPP	278
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	278
5.3.1	Amalan Pedagogi GPP berdasarkan Pengetahuan Persediaan Pengajaran (SK1)	279
5.3.2	Amalan Pedagogi GPP berdasarkan Kemahiran Pelaksanaan Pengajaran (SK2)	282
5.3.3	Deskripsi Amalan Pedagogi GPP (SK3)	289
	5.3.3.1 Pengetahuan Persediaan Pengajaran	289
	5.3.3.2 Kemahiran Pelaksanaan Pengajaran	290
	5.3.3.3 Rumusan	293
5.4	Implikasi Kajian	293
5.5	Cadangan	298
5.5.1	Cadangan Kajian untuk Masa Depan	298
5.5.2	Cadangan Amalan Pedagogi	300

5.6	Kesimpulan	302
RUJUKAN	303
LAMPIRAN	SENARAI LAMPIRAN	MUKA SURAT
Lampiran A	Surat Kelulusan Kajian Penyelidikan KPM	316
Lampiran B	Surat Kelulusan Kajian JPN Pulau Pinang	317
Lampiran C	Surat Kebenaran Kajian di Sekolah Rendah	318
Lampiran D1	Catatan Pemerhatian Pelaksanaan Pengajaran	319
Lampiran D2	Catatan Pemerhatian Rakaman Video	320
Lampiran D3	Contoh Catatan Pemerhatian Lengkap GPP2	321
Lampiran E	Protokol Temu Bual GPP	322
Lampiran F	Soalan Temu Bual GPP	323
Lampiran G1	Analisis Dokumen RPH GPP	324
Lampiran G2	Contoh Analisis Dokumen RPH GPP2	325
Lampiran H	Contoh Transkripsi Pemerhatian GPP1	326
Lampiran I	Contoh Transkripsi Temu bual GPP1	334
Lampiran J	Contoh Pemerhatian mengikut Sub-tema dan Kod GPP1...	342
Lampiran K	Contoh Temu Bual mengikut Tema dan Sub-tema GPP ...	343
Lampiran L	Contoh Rancangan Pengajaran Harian GPP2	354
Lampiran M	Senarai Penerbitan	355

JADUAL	SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Kerangka Tugas Mengajar	39
Jadual 2.2	Ringkasan Teori dan Model Berkaitan Amalan Pedagogi ..	43
Jadual 3.1	Senarai Latar Belakang GPP	114
Jadual 3.2	Catatan Pemerhatian Pengajaran	117
Jadual 3.3	Temu Bual Soalan Berstruktur dan Separa Berstruktur	120
Jadual 3.4	Analisis Dokumen Rancangan Pengajaran Harian	122
Jadual 3.5	Proses Pengumpulan Data mengikut Soalan Kajian	123
Jadual 3.6	Ringkasan Perubahan Kaedah Kajian Rintis	125
Jadual 3.7	Ringkasan Pelaksanaan Kajian Rintis	126
Jadual 3.8	Ulasan Pakar berkenaan Soalan Temu Bual	132
Jadual 3.9	Jadual Pertemuan Pemerhatian GPP	137
Jadual 3.10	Jadual Pertemuan Temu Bual GPP	142
Jadual 3.11	Rumusan Aktiviti Kajian	146
Jadual 3.12	Perkaitan antara Konstruk dan Tema	153
Jadual 3.13	Perkaitan antara Konstruk, Tema, Sub-tema dan Kod	155
Jadual 4.1	Rumusan Latar Belakang GPP	167
Jadual 4.2	Rumusan Pengetahuan Hasil Pembelajaran	175
Jadual 4.3	Rumusan Pengetahuan Persediaan Alat Bantu Mengajar ...	187
Jadual 4.4	Rumusan Persediaan Rancangan Pengajaran Harian	193
Jadual 4.5	Rumusan Kemahiran Pendekatan Pengajaran	220

Jadual 4.6	Rumusan Kemahiran Teknik Penyampaian	240
Jadual 4.7	Rumusan Kemahiran Pengurusan Kelas	255
Jadual 4.8	Deskripsi Amalan Pedagogi Guru Prasekolah Permulaan..	258

RAJAH	SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	16
Rajah 2.1	Model Penaakulan Pedagogi dan Tindakan	26
Rajah 2.2	Model Pengajaran Berkesan	35
Rajah 2.3	Kerangka Isi Kandungan Tunjang KSPK	60
Rajah 2.4	Kerangka Standard Guru Malaysia	100
Rajah 2.5	Kerangka Teori Kajian	104
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian	110
Rajah 3.2	Triangulasi Data Kajian	130
Rajah 5.1	Amalan Pedagogi berdasarkan Pengetahuan Persediaan Pengajaran dan Kemahiran Pelaksanaan Pengajaran	292

SENARAI SINGKATAN

Singkatan Istilah	Makna Istilah
ABM	Alat Bantu Mengajar
ABP	Amalan Bersesuaian Perkembangan
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DAP	Deskripsi Amalan Pedagogi
GPKPP	Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah
GPP	Guru Prasekolah Permulaan
IPGM	Institut Perguruan Guru Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KDPM	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
KPK	Kurikulum Prasekolah Kebangsaan
KPLI	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
NAEYC	National Association of the Education of Young Children
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SGM	Standard Guru Malaysia
SK	Soalan Kajian

AMALAN PEDAGOGI GURU PRASEKOLAH PERMULAAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pedagogi Guru Prasekolah Permulaan (GPP). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pedagogi GPP berdasarkan pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran serta membina deskripsi amalan pedagogi. Kajian ini merupakan satu kajian kes dengan melibatkan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen terhadap empat orang GPP. Pemerhatian bagi setiap GPP adalah melibatkan pelaksanaan aktiviti pengajaran, iaitu sebanyak tiga kali melalui catatan pemerhatian dan rakaman video. Pengkaji juga melaksanakan kaedah temu bual dan rakaman audio bagi mengenal pasti pandangan GPP berkenaan pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran. Analisis dokumen pula melibatkan persediaan rancangan pengajaran harian (RPH). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga aspek pengetahuan persediaan pengajaran yang dikenal pasti, iaitu i) hasil pembelajaran (isi kandungan dan amalan bersesuaian perkembangan), ii) persediaan alat bantu mengajar (faktor pemilihan dan pengurusan persediaan) dan iii) persediaan RPH (panduan KSPK dan perkembangan murid). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat tiga aspek kemahiran pelaksanaan pengajaran yang dikenal pasti, iaitu i) pendekatan pengajaran, (bertema, belajar melalui bermain, pembelajaran berpusatkan murid dan guru, penggunaan teknologi maklumat, dan pembelajaran masteri), ii) teknik penyampaian (jelas/berfokus, penguasaan Bahasa Inggeris, dan pengajaran secara

berulang kali) dan iii) pengurusan kelas (pengurusan murid dan pengurusan masa pengajaran). Berdasarkan dapatan kajian, amalan pengetahuan persediaan pengajaran GPP yang cemerlang adalah seperti berikut: penguasaan dalam isi kandungan tunjang Komunikasi dan tunjang Sains dan Teknologi, pengurusan aktiviti pengajaran dan alat bantu mengajar yang menarik (maujud dan bukan maujud) serta persediaan RPH yang ringkas. Sementara itu, amalan pelaksanaan pengajaran GPP yang cemerlang adalah seperti berikut: i) menggabungkan dua atau tiga komponen melalui pendekatan bertema dan belajar melalui bermain, ii) pembelajaran berkesan berpusatkan murid dan berpusatkan guru, iii) pengajaran yang menarik dengan berbantuan komputer riba, iv) pendekatan masteri dalam kemahiran membaca/menulis, v) berkemahiran dalam aktiviti tertentu (ekperimen, bahan kreativiti, main peranan dan nyanyian), vi) penyampaian komponen BI melalui komunikasi dan pergerakan badan, vii) pengajaran bacaan secara berulang kali melalui lisan dan nyanyian, serta viii) kawalan murid berdasarkan jadual waktu pengajaran. Sehubungan dengan itu, deskripsi amalan pedagogi guru prasekolah permulaan ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada bakal guru dan guru baru dalam pemilihan aktiviti pengajaran yang berkesan, persediaan RPH dan alat bantu mengajar yang menarik, serta pelaksanaan pendekatan mengajar mengikut masa dan amalan bersesuaian dengan perkembangan.

PEDAGOGICAL PRACTICE AMONG BEGINNING PRESCHOOL TEACHERS

ABSTRACT

This study aims to explore the pedagogical practices of Beginning Preschool Teachers (BPT). The objective of this study is to identify pedagogical practices of BPT based on knowledge of teaching preparation and teaching skills and develop a description of the pedagogical practices. This case study involves observations, interviews and document analysis of four BPTs. There were three observations on the BPTs during their implementation of teaching activities through video recordings. The BPTs' knowledge of teaching preparation and teaching skills were identified through interviews. Document analysis involves the preparation of daily lesson plans (DLP). In addition, three aspects of teaching skills have been identified, namely i) the learning outcomes (content knowledge and development appropriate practice), ii) preparation of teaching aids (selection and time management) and iii) preparation of DLP (KSPK guideline and child development). The study shows that there are three aspects of teaching skills that have been identified, namely i) instructional approach, (thematic, learning through play, teacher-centered and students-centered, information technology, and mastery learning) ii), delivery techniques (clear/focus, mastery of English and repeated delivery) and iii) classroom management (child and and teaching time management). Based on the findings, the best of teaching preparation practices among BPTs are as follows: mastery of the content in Communications and Science and Technology, the management of teaching activity and attractive teaching aids (concrete and non-concrete) and simple DLP. Meanwhile, the best

practices of teaching among BPTs are as follows: i) combination of two or three components of the thematic approach and learning through play, ii) effective learning through student-centered and teacher-centered activities, iii) interesting teaching activities with the use of a laptop, iv) effective approach mastery in reading/writing, v) skilful in carrying out particular activities (experiments, material creativity, role playing and singing), vi) delivery of English components through communication and body movement, vii) repeated teaching reading skills through oral and singing, and viii) child teaching timetable management. Accordingly, the description of pedagogical practices among beginning preschool teachers can be used as a guide to pre-service teachers and new beginning teachers in preparing and selecting effective teaching, preparing DLP and attractive teaching aids, as well as the implementation of the teaching approach according to the time and developmentally appropriate practice.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Misi pendidikan negara adalah untuk menjadikan sistem pendidikan guru bertaraf dunia dan memastikan setiap guru sentiasa berketerampilan dalam profesion keguruan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Misi tersebut telah diamanahkan kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang bertanggung jawab dalam melahirkan lebih ramai bakal guru yang berkualiti. Berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, (PIPP) 2006–2011, KPM telah menjalankan pelbagai peringkat saringan dan pemilihan bakal guru yang berkualiti sebelum menceburi profesion keguruan. Ini telah dinyatakan dalam dokumen PIPP yang telah menggariskan beberapa syarat yang perlu ada pada diri seorang guru, iaitu:

“Profesion keguruan tidak boleh dianggap sebagai satu kerjaya yang boleh diceburi oleh sesiapa sahaja. Hanya mereka yang mempunyai kualiti, keterampilan, kewibawaan, kelayakan, minat, iltizam dan berjiwa pendidik layak menjadi guru.”

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006, ms. 110)

Apabila guru permulaan yang telah berjaya menamatkan pengajian dan ditempatkan di sekolah yang terpilih, mereka akan berhadapan dengan cabaran baru di dalam dan di luar persekitaran kelas (Abdul Jalil 2007; Romano, 2008). Sebagai seorang guru baru di prasekolah atau lebih

dikenali sebagai guru prasekolah permulaan, mereka perlu menjalani tempoh percubaan mengajar sebelum disahkan di dalam jawatan iaitu dalam tempoh satu hingga tiga tahun di prasekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010c). Walaupun kebanyakan guru prasekolah permulaan ini mempunyai latar belakang akademik yang baik serta menjalani kursus yang ditawarkan oleh pihak KPM, terdapat dalam kalangan mereka yang tidak dapat memahami konsep dan amalan pedagogi dalam realiti sebenar persekitaran sekolah (Zakiah, Azlina & Yeo, 2011). Sebagai seorang guru prasekolah yang berkecualan, mereka perlu segera mengaplikasikan kesemua pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan pedagogi yang merupakan aset penting dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid (Roharty, 2003; Souto-Manning, & Dice, 2007).

Kepentingan amalan pedagogi guru prasekolah yang berkualiti juga turut menjadi agenda utama dalam pendidikan negara. Perkara tersebut telah termaktub dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang melibatkan agensi kerajaan, iaitu KPM (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010a). Berdasarkan NKRA, guru prasekolah perlu memastikan pendidikan prasekolah yang diberikan adalah 'berkualiti supaya dapat memastikan peningkatan minat dan kesinambungan kepada pendidikan di peringkat yang lebih tinggi' (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010a, ms.5). Selain itu, guru prasekolah permulaan perlu menguasai segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid (Abdul Rahim, Mohd Najib & Lily, 2010). Souto-Manning dan Dice (2007) juga turut berpendapat bahawa guru prasekolah permulaan perlu mengetahui

bagaimana untuk menguruskan amalan pedagogi yang berkaitan pendidikan awal kanak-kanak bagi memenuhi agenda dan aspirasi pendidikan negara.

Menurut Lihanna (2005) dalam melaksana program prasekolah berkualiti, guru prasekolah perlu mengetahui dan memahami perkembangan murid berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Guru prasekolah permulaan juga perlu peka terhadap keperluan pedagogi mereka dengan mempersiapkan diri dengan bekalan pengetahuan dan kemahiran yang terkini dan bersesuaian dengan keperluan murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Penguasaan kurikulum dan pengajaran yang diamalkan oleh guru prasekolah permulaan dapat membantu mereka untuk menghadapi segala cabaran ketika berhadapan dengan murid di dalam kelas.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak bagi guru permulaan di kebanyakan negara maju banyak menitikberatkan kualiti perkembangan pendidikan dan prestasi pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan. Sebagai contoh di England dan Australia, 'Status Guru Berkelayakan' akan diberikan kepada guru yang menunjukkan prestasi kerja yang ditetapkan setelah mereka berada di sekolah dalam tempoh waktu tertentu (Duthilleul, 2005). Begitu juga di Amerika Syarikat, melalui laporan daripada *The National Association for the Education of Young Children* (NAEYC) menyatakan bahawa standard profesion guru permulaan pendidikan awal

kanak-kanak diterapakan melalui program pembangunan profesional yang diterima oleh bakal guru, dan guru yang berada di sekolah (NAEYC, 2009). Selain itu, kebanyakan negara seperti Sepanyol, Perancis, Italy, Japan dan Korea telah melaksanakan program pembangunan guru permulaan mengikut keperluan dan prestasi guru yang dapat memenuhi aspek pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan (Duthilleul, 2006). Keperluan dan prestasi guru permulaan ini akan dipantau dan dinilai bagi memastikan mereka benar-benar layak untuk memenuhi standard profesional sebagai seorang guru yang dikehendaki.

Perkhidmatan perguruan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia pula mengalami perubahan bermula pada tahun 1996 dengan wujudnya Akta Pendidikan. Pengenalan Akta Pendidikan yang memberi tumpuan pada pendidikan awal kanak-kanak meliputi aspek seperti kurikulum dan pendekatan pengajaran, kemudahan pembelajaran guru, serta keperluan perkembangan murid. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Akta tersebut juga turut menyatakan tujuan diperkenalkan pendidikan awal kanak-kanak pada peringkat prasekolah adalah untuk mendidik kanak-kanak miskin dalam dan luar bandar berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Pada tahun yang sama, KPM telah menggantikan Kursus Sijil Perguruan Asas dengan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) di seluruh Maktab Perguruan di Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Tujuan pengendalian kursus KDPM adalah menaik taraf pendidikan asas guru prasekolah dari segi pengetahuan dan profesion mereka. Pada tahun 1997,

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah diberi tanggungjawab untuk melatih guru prasekolah yang hanya mempunyai Kursus Sijil Perguruan Asas untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik mereka sekurang-kurangnya pada peringkat diploma (Kasnani, Norbe & Nazimah, 2003).

Pada pertengahan tahun 2004, BPG telah memulakan kursus lepasan SPM, iaitu pengajian selama 5 tahun ijazah dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang dikendalikan oleh IPG. PISMP dibahagikan kepada dua jenis pengajian, iaitu 1½ kursus diploma dan 3 ½ tahun komponen ijazah yang ditawarkan kepada lepasan sekolah dan ijazah pertama. PISMP merupakan program latihan perguruan bagi guru praperkhidmatan pada peringkat sekolah rendah yang mempunyai kelayakan ijazah yang dikendalikan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Tujuan ijazah ini ditawarkan adalah untuk melatih guru permulaan yang berkualiti dari segi amalan profesionalisme keguruan, penguasaan ilmu pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Mengikut Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2011), kerajaan mensasarkan 50 peratus guru berkelulusan ijazah Sarjana Muda di sekolah rendah pada tahun 2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2010, hanya 31 peratus guru berkelulusan ijazah Sarjana Muda mengajar di sekolah rendah dan prasekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

KPM juga telah menyelaraskan keperluan kurikulum prasekolah supaya dapat dilaksanakan di seluruh prasekolah kerajaan dan swasta. Pada tahun 1993, KPM telah menerbitkan buku 'Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah' (GPKPP) yang telah disarankan untuk digunakan oleh guru prasekolah di seluruh Malaysia. Buku GPKPP merupakan sebuah buku panduan kepada guru prasekolah dalam merangka, melaksanakan dan menilai aktiviti pengajaran di prasekolah. Walau bagaimanapun, bagi memastikan setiap prasekolah di Malaysia memenuhi standard keperluan yang selaras dengan kehendak negara, KPM telah menggubal GPKPP, dengan menerbitkan buku panduan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) pada 2001 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Kandungan buku panduan KPK menekankan pendekatan dan kaedah pengajaran yang pelbagai dan sesuai dengan keperluan kanak-kanak. Antara kandungan panduan KPK adalah seperti pendidikan berpusatkan kepada keperluan kanak-kanak, pendekatan holistik, amalan bersesuaian dengan tahap perkembangan dan belajar sambil bermain. Oleh itu, seluruh prasekolah yang berdaftar di Malaysia perlu mematuhi dan menggunakan buku panduan KPK sebagai panduan utama aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Pelaksanaan Standard Guru Malaysia (SGM) pada 2009 merupakan agenda terkini bagi KPM dengan meletakkan beberapa kriteria dan standard am guru selaras dengan keperluan 'Kerangka Kelayakan Malaysia' atau lebih dikenali dengan nama '*Malaysian Qualifications Framework*' (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009a). Dokumen SGM adalah

berdasarkan pada penekanan terhadap kecekapan guru melalui perkembangan profesional guru seperti amalan nilai profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman, dan kemahiran pengajaran. Seperti yang terkandung dalam SGM, iaitu 'Dokumen ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan dalam usaha untuk melahirkan dan melestarikan guru berkualiti' (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009a, ms.2). Berdasarkan dokumen SGM, perancangan yang dilakukan oleh pihak KPM adalah sebagai langkah berkesan ke arah pembangunan sistem pendidikan negara bertaraf dunia mengikut acuan Malaysia.

Sejajar dengan matlamat menjamin kecekapan guru melalui pelaksanaan dokumen Standard Guru Malaysia, BPG juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru prasekolah dengan melakukan `semakan semula kurikulum KPK dan digantikan dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Tujuan dokumen KSPK ini diguna pakai oleh guru prasekolah adalah sebagai panduan kepada mereka untuk memastikan keperluan standard dan kualiti murid prasekolah dipenuhi melalui amalan bersesuaian dengan perkembangan murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009b). Pengukuhan keperluan standard kurikulum yang perlu dicapai oleh setiap guru prasekolah permulaan adalah sebagai salah satu usaha KPM dalam membina pembangunan pendidikan berkualiti di peringkat pendidikan awal kanak-kanak.

Perhatian dan usaha kerajaan untuk menjadikan pendidikan prasekolah lebih berkualiti telah memberikan impak kepada perkembangan profesional guru prasekolah di Malaysia. Melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, beberapa perkara telah digariskan sebagai satu pengiktirafan penting kerajaan kepada guru permulaan untuk mencapai Standard Guru Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Berdasarkan laporan PPPM, pengambilan calon guru adalah dalam kalangan pelajar cemerlang di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, iaitu sebanyak 30 peratus. Selain itu, laporan tersebut turut menyatakan lebih banyak peluang kepada guru permulaan untuk meningkatkan standard profesionalisme mereka (Saedah & Mohammed Sani, 2012). Pengiktirafan profesional dan peningkatan ganjaran yang diterima oleh guru permulaan, didapati boleh memberi kesan positif terhadap amalan pedagogi mereka. Oleh itu, pengalaman dari segi pengetahuan dan kemahiran di IPG, menjadi bekalan utama kepada guru prasekolah permulaan dalam melaksanakan amalan pedagogi yang berkesan.

1.3 Penyataan Masalah

Peranan guru prasekolah adalah untuk membina asas pendidikan yang kukuh kepada murid prasekolah dengan melakukan amalan pedagogi yang berkualiti (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010b). Guru prasekolah permulaan yang berkualiti adalah guru yang dapat memenuhi tiga aspek utama dalam Standard Guru Malaysia (SGM), iaitu amalan nilai profesional dalam keguruan, mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang baik, dan

kemahiran pengajaran yang berkesan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009a). Dalam usaha mencapai sasaran SGM tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memulakan usaha menyediakan peluang pengajian pendidikan yang berkualiti dalam peringkat ijazah kepada bakal guru yang berminat dalam dunia pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Namun begitu, terdapat pelbagai faktor luaran yang dihadapi oleh guru prasekolah permulaan khususnya yang melibatkan amalan pedagogi mereka (Reynolds, 1999; Zakiah, Azlina & Yeo 2011). Apabila guru baru mendaftar di prasekolah yang telah ditetapkan, mereka perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah, serta melakukan persediaan dalam proses pengajaran (Siti Saleha, & Surayah, 2007). Mereka juga perlu bersedia untuk menghadapi tuntutan kerja yang melibatkan pengurusan di sekolah (Bezzina, 2006). Menurut Reynolds (1999) kesan daripada kesibukan guru permulaan dalam pengurusan sekolah serta masalah dalaman yang dihadapi telah memberi kesan terhadap kualiti amalan pedagogi yang berkesan di dalam kelas.

Faktor luaran seperti faktor persekitaran didapati mempengaruhi prestasi amalan pedagogi guru prasekolah (Kane & Russell, 2003; Mohammed Sani, 2007). Sebagai contoh, tekanan kerja yang berlebihan didapati mempengaruhi kelangsungan hidup (*survival stage*) guru permulaan dalam mengendalikan aktiviti pengajaran seharian (Kane & Russell, 2003). Kajian Mohammed Sani (2007) terhadap guru permulaan

lulusan IPG mendapati bahawa selain daripada tekanan kerja yang dihadapi, mereka juga turut menerima kesan dari segi 'kejutan budaya' (*cultural shock*) daripada persekitaran sekolah. 'Kejutan budaya' merupakan perubahan yang dialami oleh guru permulaan secara drastik disebabkan suasana mengajar yang berbeza di IPG dan di sekolah (Bezzina, 2006; Romano, 2008). Menurut Siti Saleha dan Surayah (2007) kesan daripada 'kejutan budaya' ini boleh menyebabkan guru prasekolah permulaan mengalami masalah untuk melaksanakan proses pengajaran yang berkesan di dalam kelas.

Sementara itu, faktor luaran seperti keperluan pengajaran berdasarkan polisi dan kurikulum pendidikan negara juga turut mempengaruhi amalan pedagogi guru permulaan (Pavia, Nissen, Hawkins, Monroe, & Filimon-Demyen, 2003). Sebagai contoh, dalam satu kajian Mariani (2006) mendapati guru prasekolah terlalu memberikan penumpuan terhadap keperluan akademik murid sebagai ukuran prestasi kerja mereka. Ini disebabkan oleh kehendak KPM yang menetapkan syarat utama pencapaian murid prasekolah adalah melibatkan kemahiran 4M (Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009b). Perkara tersebut didapati bertentangan dengan saranan yang diberikan oleh *The National Association on the Education of Young Children* (2009) yang telah menetapkan bahawa amalan pedagogi guru prasekolah perlu merangkumi keperluan perkembangan murid, iaitu melibatkan tahap umur, dan perkembangan murid dan bukannya hanya melihat pencapaian akademik semata-mata.

Cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah permulaan turut melibatkan faktor dalaman, iaitu dari segi tahap pengetahuan dan kemahiran mereka ketika mengendalikan aktiviti pengajaran di dalam kelas (Abdul Rahim, Mohd Najib, & Lily, 2010; Ho, & Toh, 2000; Siraj-Blatchford, Sylva, Muttock, Gilden & Bell, 2002; Tan, 2005). Menurut Bezzina (2006) dalam kajian beliau yang melibatkan pengajaran 18 orang guru permulaan mendapati bahawa pengetahuan dan kemahiran mengajar merupakan antara masalah utama yang dihadapi oleh mereka. Beliau mendapati bahawa seramai 7 orang guru permulaan (40 peratus) kurang berpengetahuan dalam mengendalikan aktiviti bersama murid. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa seramai 11 orang guru permulaan (60 peratus) mengalami masalah dari segi kemahiran mengajar yang bersesuaian. Selain itu, kajian Siti Saleha dan Surayah (2007) berkenaan amalan pedagogi 21 orang guru prasekolah Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) mendapati bahawa seramai 6 orang (30 peratus) guru prasekolah didapati kurang bersedia untuk menerapkan ilmu teori dan pedagogi yang bersesuaian dengan aktiviti murid. Kajian juga mendapati bahawa seramai 14 orang (67 peratus) guru prasekolah lebih mementingkan pelaksanaan pengajaran tanpa mengikut keperluan kurikulum dan murid (Siti Saleha & Surayah, 2007). Oleh itu, kekurangan dari segi pengetahuan dan kemahiran mengajar boleh memberi kesan terhadap kualiti amalan pedagogi guru prasekolah permulaan.

Menurut Lihanna (2005) guru prasekolah kurang mengamalkan pendekatan pengajaran mengikut 'Amalan Bersesuaian Perkembangan' (ABP). Walaupun terdapat dalam kalangan guru prasekolah yang mengetahui kepentingan ABP yang terkandung di dalam panduan KSPK, tetapi mereka menghadapi masalah untuk melaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid. Guru prasekolah didapati mengetahui untuk menggunakan pendekatan belajar melalui bermain, pendekatan bertema dan penggunaan teknologi maklumat tetapi tidak mengikut ABP murid (Mariani, 2006). Ini boleh memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang tidak sesuai dengan peringkat umur dan perkembangan murid di prasekolah.

Masalah dalaman yang dihadapi oleh guru permulaan turut melibatkan penulisan rancangan pengajaran harian (RPH) yang kurang lengkap (Chong & Cheah, 2009). Pengurusan penulisan RPH secara tidak sistematik ini banyak dipengaruhi oleh situasi guru permulaan yang berada dalam proses 'belajar untuk mengajar'. Satu kajian yang dilakukan oleh Cloke, Sabariah dan Abdul Said (2006) terhadap amalan pedagogi guru di Malaysia mendapati bahawa mereka lebih suka menggunakan RPH dalam aktiviti pengajaran sebagai rutin harian dan bukan sebagai satu proses penambahbaikan. Selain itu, guru permulaan didapati kurang mengamalkan inovasi ABM melalui teknologi maklumat dan aktiviti pembelajaran murid secara berkumpulan (Cloke, Sabariah & Abdul Said, 2006).

Sebagai guru baru, mereka perlu mempunyai kreativiti dari segi persediaan kandungan pedagogi dan alat bantu mengajar (ABM) di dalam kelas (Esah, 2003). Walau bagaimanapun, guru permulaan didapati kurang kreatif dengan menjalankan aktiviti pengajaran menggunakan ABM yang tidak sesuai dan kurang menarik (Feiman-Nemser, 2001). Dalam kajian Choy, Chong, Wong dan Wong (2010) mendapati bahawa guru permulaan mengalami masalah dari segi persediaan mengajar disebabkan kekurangan sumber pendidikan dan ABM yang bersesuaian. Kekurangan dari segi kreativiti dan sumber ABM boleh memberi kesan kepada guru permulaan untuk memenuhi standard amalan pedagogi yang ditetapkan oleh pihak KPM.

Terdapat dalam kalangan guru prasekolah permulaan yang berpengetahuan dalam menyediakan keperluan mengajar tetapi mengalami masalah dari segi kemahiran melaksanakan aktiviti pengajaran (Siraj-Blatchford et al. 2002). Menurut Zakiah, Azlina, dan Yeo, (2011) mendapati bahawa guru permulaan kurang berkemahiran dalam melaksanakan aktiviti pengajaran yang melibatkan kreativiti, pengurusan, kawalan kelas dan penggunaan ABM. Guru permulaan kurang menggunakan pengetahuan sedia ada. Mereka juga tidak dapat mengolah dalam bentuk kemahiran melalui aktiviti pengajaran kelas dengan lebih berkesan dan bersesuaian dengan murid. Kelemahan kemahiran mengendalikan aktiviti pengajaran yang dihadapi oleh guru prasekolah permulaan didapati boleh mempengaruhi tahap perkembangan murid di dalam kelas (Romano, 2008; McLeod, 2001).

Kajian berkenaan amalan guru prasekolah permulaan ini memerlukan pemahaman dengan lebih terperinci berkenaan kaedah penyelesaian masalah yang dilaksanakan oleh mereka. Penerokaan melalui pengalaman sebenar yang dialami oleh mereka adalah salah satu contoh penyelesaian yang terbaik supaya dapat dijadikan panduan kepada guru permulaan yang lain (Renard, 2003). Oleh itu, satu kajian yang komprehensif dan mendalam perlu dilakukan untuk mengenal pasti amalan pedagogi guru prasekolah permulaan berdasarkan pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran yang menjadi asas pembentukan guru permulaan yang cemerlang.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pedagogi guru prasekolah permulaan yang melibatkan pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membentuk satu deskripsi berdasarkan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti amalan pedagogi guru prasekolah permulaan berdasarkan pengetahuan persediaan pengajaran,
2. meneliti amalan pedagogi guru prasekolah permulaan berdasarkan kemahiran pelaksanaan pengajaran, dan

3. membina deskripsi amalan pedagogi guru prasekolah permulaan berdasarkan data yang diperoleh tentang pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran.

1.6 Soalan Kajian

Secara khususnya, soalan kajian yang dibentuk bagi kajian ini adalah seperti berikut.

- a) Sejauh manakah amalan pedagogi guru prasekolah permulaan berdasarkan pengetahuan persediaan pengajaran?
- b) Sejauh manakah amalan pedagogi guru prasekolah permulaan berdasarkan kemahiran pelaksanaan pengajaran?
- c) Bagaimanakah deskripsi amalan pedagogi guru prasekolah permulaan dibina berdasarkan data yang diperoleh tentang pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran?

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian meliputi secara keseluruhan konstruk kajian yang melibatkan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan. Berdasarkan objektif dan Soalan Kajian 1 (SK1), Soalan Kajian 2 (SK2), dan Soalan Kajian 3 (SK3) yang dibentuk, berikut dibincangkan kerangka konsep kajian ini. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep yang mengandungi konstruk yang dikaji.

Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian



Kerangka konsep kajian ini dibina berdasarkan maklumat daripada pengkaji lepas yang memfokuskan kepada amalan pedagogi guru prasekolah permulaan berdasarkan pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran (Kauchak dan Eggen, 1998; Reynolds, 1999; Romano, 2008). Kedua-dua konstruk ini saling menyokong antara satu sama lain. Perkaitan antara kedua-dua konstruk ini juga terkandung dalam dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) yang meliputi dua daripada tiga aspek standard kecekapan profesional guru, iaitu pengetahuan dan kemahiran pengajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009a). Amalan pedagogi dan kurikulum guru prasekolah permulaan adalah selaras dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Amalan pedagogi guru prasekolah permulaan juga

difokuskan mengikut pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009b).

Pengetahuan persediaan pengajaran merupakan penguasaan dan pemahaman guru prasekolah permulaan dalam merancang aktiviti dan menyediakan alat bantu mengajar mengikut panduan KSPK yang diamalkan sebelum pengajaran dilakukan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009b). Amalan pedagogi berdasarkan persediaan pengajaran merupakan antara nilai utama dalam kecekapan guru prasekolah permulaan menerusi Standard Guru Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009a). Kecekapan guru prasekolah permulaan perlu menekankan ilmu pendidikan prasekolah yang dapat meningkatkan profesionalisme mereka ketika menjalankan tugas perancangan dengan lebih berkesan.

Kemahiran pelaksanaan pengajaran melibatkan kebolehan dan kecekapan guru prasekolah permulaan dalam proses melaksanakan aktiviti pengajaran di dalam kelas. Proses pelaksanaan pengajaran melibatkan sama ada dalam bentuk akademik mahupun ko-kurikulum melalui pendekatan dan teknik yang bersesuaian dengan amalan bersesuaian mengikut tahap perkembangan murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009b).

Deskripsi amalan pedagogi guru prasekolah permulaan merupakan rumusan dapatan kajian yang melibatkan kedua-dua konstruk, iaitu

pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran. Setiap konstruk tersebut dikenal pasti dengan kewujudan tema dan sub-tema tertentu berdasarkan dapatan kajian yang melibatkan pandangan, perlakuan dan tindakan guru prasekolah permulaan. Tema dan sub-tema yang telah dikenal pasti dapat digunakan sebagai panduan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan bagi memenuhi Standard Guru Malaysia (*National Association on the Education of Young Children* 2009; Saedah & Mohammed Sani, 2012).

1.8 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan definisi seperti berikut:

1.8.1 Guru Prasekolah Permulaan

Guru prasekolah permulaan merupakan guru yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang prasekolah dan ditempatkan di sekolah rendah KPM. Mereka masih dalam proses pengesahan jawatan dan berkhidmat di prasekolah dalam tempoh antara satu hingga tiga tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010b). Dalam kajian ini, guru prasekolah permulaan ialah guru yang telah menamatkan pengajian ijazah pendidikan prasekolah dari IPG dan telah berkhidmat dari satu hingga dua tahun.

1.8.2 Amalan Pedagogi

Amalan merupakan perlakuan atau tindakan yang dilakukan secara rutin atau berulang kali sehingga menjadi suatu kebiasaan (Esah, 2003). Sementara pedagogi pula dimaksudkan sebagai proses pengajaran yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan sesuatu disiplin ilmu (Siraj-Blatchford, et al. 2003). Dalam kajian ini, amalan pedagogi guru prasekolah permulaan melibatkan dua konstruk, iaitu pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran di dalam kelas prasekolah.

1.8.2.1 Pengetahuan Persediaan Pengajaran

Darling-Hammond dan Baratz-Snowden (2005) telah menjelaskan bahawa pengetahuan pengajaran guru permulaan perlu melibatkan kefahaman terhadap aktiviti pengajaran di dalam kelas. Oleh itu, pengetahuan persediaan pengajaran guru prasekolah permulaan dalam kajian ini merujuk pada pandangan mereka terhadap penguasaan dan pemahaman dalam disiplin ilmu pendidikan prasekolah yang digunakan sebelum pengajaran dilakukan. Maklumat juga turut diperoleh melalui dokumen rancangan pengajaran harian.

1.8.2.2 Kemahiran Pelaksanaan Pengajaran

Dalam pendidikan prasekolah, guru prasekolah permulaan perlu mempunyai kemahiran untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan diri, kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009b; Slavin,

1997). Oleh itu, kemahiran pelaksanaan pengajaran guru prasekolah permulaan dalam kajian ini melibatkan kecekapan dan kebolehan yang dapat diperhatikan dalam proses pelaksanaan pengajaran di dalam kelas dan menurut pandangan mereka melalui temu bual serta analisis dapatan melalui dokumen rancangan pengajaran harian.

1.8.3 Deskripsi Amalan Pedagogi

Deskripsi Amalan Pedagogi (DAP) merupakan satu proses pengumpulan data berkaitan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan. DAP ini dibina melalui penggunaan teknik yang melibatkan hitungan, penentuan tema, membuat kumpulan kod melalui rangkaian tema dan sub-tema berdasarkan teori, model dan kerangka konsep (Miles & Huberman, 1994). Berdasarkan amalan pedagogi yang didapati melalui pandangan, perlakuan dan tindakan guru prasekolah permulaan, kedua-dua konstruk utama, iaitu pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran dijadikan asas penyataan deskripsi ini. Dapatan kajian yang wujud dibahagikan mengikut tema dan sub-tema (Lihat Bab 3). Terdapat dua tahap yang dikenal pasti berdasarkan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan, iaitu i) Tahap Cemerlang dan ii) Tahap Biasa. Tahap Cemerlang merupakan tahap terbaik guru prasekolah permulaan dalam amalan pedagogi yang berkesan serta memenuhi keperluan panduan kurikulum KSPK. Tahap Biasa pula adalah Jamalan pedagogi secara rutin harian atau kebiasaan yang dilaksanakan oleh guru prasekolah permulaan.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi manfaat kepada murid untuk mendapatkan aktiviti pengajaran terbaik yang diamalkan oleh guru prasekolah permulaan. Selain itu, kajian dapat membekalkan maklumat yang bertepatan dengan perkembangan murid secara holistik dan bukan terhadap tumpuan akademik semata-mata. Kebanyakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas lebih menitik beratkan amalan pedagogi guru pada peringkat sekolah menengah berbanding pada peringkat prasekolah (Hellsten, Prytula & Ebanks 2009; Broadley & Broadley, 2004). Selain itu, kajian lepas memfokuskan amalan pedagogi bakal guru dan guru berpengalaman, tetapi agak kurang membincangkan secara mendalam berkenaan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan (Chong & Cheah, 2009; Mohammed Sani, 2007; Shulman, 1986; Siraj-Blatchford et al. 2002).

Disebabkan kekurangan kajian berkenaan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan khususnya yang melibatkan pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran, kajian ini dapat membantu pengkaji di Malaysia untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan amalan pedagogi guru baru di prasekolah. Selain itu, pengkaji dapat mengenal pasti tahap amalan pedagogi guru prasekolah permulaan mengikut keperluan pengetahuan dan kemahiran dalam Standard Guru Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan panduan guru prasekolah permulaan dalam mengurus dan mengendalikan aktiviti pengajaran

dengan lebih sistematik dan kreatif. Guru prasekolah permulaan dapat mengenal pasti amalan pedagogi yang melibatkan persediaan dan pelaksanaan pengajaran yang berkesan ketika mengendalikan aktiviti kelas.

Kajian ini dapat menyediakan maklumat terkini kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) berkenaan persediaan dan pelaksanaan pengajaran yang diamalkan oleh guru prasekolah permulaan keluaran KPM khususnya dalam pengajian ISMP (Prasekolah). BPK dapat menggunakan maklumat tersebut sebagai rujukan khusus berkenaan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan yang sesuai diguna pakai bagi keperluan guru baru Institut Perguruan Guru di seluruh Malaysia. Kelebihan dan kelemahan amalan pedagogi yang diperolehi melalui dapatan kajian juga boleh dijadikan sebagai panduan kepada bakal guru dan guru prasekolah permulaan yang lain dalam proses penambah baik kecekapan perguruan.

Pembinaan deskripsi amalan pedagogi guru prasekolah permulaan boleh memberikan manfaat kepada guru baru sebagai panduan yang berguna. Bakal guru juga dapat mempersiapkan diri mereka dengan pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran yang berkesan dalam memenuhi Standard Guru Malaysia yang disarankan oleh KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009a).

1.10 Batasan Kajian

Skop kajian ini terbatas dengan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan melalui Standard Guru Malaysia yang melibatkan persediaan pengetahuan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran tetapi tidak menumpukan terhadap sikap dan nilai guru prasekolah permulaan. Selain itu, pengajaran guru prasekolah permulaan adalah berdasarkan kepada Standard Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang melibatkan tiga tunjang sahaja, iaitu Komunikasi, Sains dan Teknologi, dan Fizikal dan Estetika (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009b). Ketiga-tiga tunjang ini meliputi pembelajaran yang melibatkan perkembangan kognitif murid berdasarkan teori kognitif dan konstruktivis (Brooks & Brooks, 1993; Bruning, Schraw & Ronning, 1999) Tumpuan terhadap ketiga-tiga tunjang tersebut melibatkan aktiviti persediaan dan pelaksanaan pengajaran guru di dalam kelas. Aktiviti pengajaran guru bersama murid juga melibatkan tiga kali pemerhatian, iaitu selama 40 minit waktu pengajaran. Setiap persediaan dan pelaksanaan pengajaran guru hanya melibatkan tindakan dan kawalan guru mengikut peruntukan masa dan jadual harian persekolahan yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, Pulau Pinang.

Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu reka bentuk kajian kes dengan melakukan pemilihan melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan ini hanya melibatkan empat orang guru prasekolah permulaan di empat buah prasekolah yang berbeza tetapi mempunyai ciri-ciri yang hampir sama.

Guru prasekolah permulaan yang dipilih berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dalam bidang prasekolah lepasan IPG dan mengajar pendidikan prasekolah di sekolah rendah KPM sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh dibuat generalisasi terhadap keseluruhan amalan pedagogi guru prasekolah permulaan di Malaysia disebabkan bilangan sampel guru permulaan yang terhad dan tidak dapat mewakili keseluruhan populasi.

1.11 Rumusan

Bab ini telah membincangkan komponen penting kajian ini termasuk pernyataan masalah, tujuan, soalan kajian, kerangka konsep, definisi operasional, kepentingan dan batasan kajian. Kajian ini menerangkan perkembangan profesional guru permulaan dari segi amalan pedagogi yang melibatkan pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran di prasekolah dengan ringkas. Bab 2 yang berikutnya pula membincangkan sorotan kajian-kajian yang lalu dan pembinaan kerangka teori kajian.